

70 .

SOALAN NO: 226

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN NG WEI AIK

SOALAN:

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sebab-sebab penolakan untuk merujuk kepada Mahkamah Perusahaan terhadap kes aduan yang melibatkan 3,600 orang daripada 6,000 pekerja Malaysia Airlines yang diberhentikan kerja.

PR-1353-T01366

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Keputusan berhubung kes representasi rayuan pemulihan kerja yang melibatkan bekas pekerja-pekerja Malaysia Airlines System Berhad (MAS) adalah dibuat berdasarkan kuasa yang diperuntukkan kepada Menteri Sumber Manusia di bawah seksyen 20(3) Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Keputusan untuk tidak merujuk kes berkenaan ke Mahkamah Perusahaan dibuat setelah pertimbangan yang sewajarnya diambil dengan mengambil kira semua fakta-fakta penting dan dokumen-dokumen yang berkaitan semasa mesyuarat rundingan damai diadakan.

2. Berhubung dengan alasan mengenai keputusan tersebut, tiada keperluan undang-undang di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967, untuk Menteri memberi alasan-alasan terhadap keputusan yang dibuat di bawah seksyen berkenaan.

3. Ini telah ditegaskan oleh Mahkamah Tinggi dalam keputusannya melalui kes Joseph Puspam lwn Menteri Sumber Manusia

“..The Minister of Labour is not required to give any reasons when he exercises his discretion under Section 20(3) of the Industrial Relations Act 1967. (emphasis added)...”

72

4. Walau bagaimanapun, mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, boleh dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh pemakluman, mengambil tindakan mencabar keputusan tersebut melalui proses Semakan Kehakiman di Mahkamah Tinggi.